

Kebebasan mutlak punca salah guna kuasa

PM peringatkan hakim

Oleh
G. MANIMARAN

KUALA LUMPUR 7 April — Kebebasan mutlak dalam bidang kehakiman akan membawa kepada penyalahgunaan kuasa dan pengabaian tugas di kalangan hakim, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, sekiranya kegagalan hakim menjalankan tugas masing-masing seperti yang berlaku sebelum ini dibiarkan, ia akan memudaratkan keadaan.

“Memandangkan tiada siapa pun yang boleh bangun dan menyatakan bahawa mereka (hakim) tidak menjalankan tugas dengan baik, ini boleh membawa kepada situasi yang lebih teruk lagi.

“Kebebasan adalah bagus tetapi tiada siapa pun boleh bebas 100 peratus kerana sekiranya terlalu bebas, anda mungkin akan lupa pada tanggungjawab,” kata beliau ketika berucap pada Majlis Perdana Menteri Bersama

U.M. - 8 APR 1994
Pegawai Kehakiman dan Perundangan anjuran Jabatan Peguam Negara di sini, hari ini.

Bagaimanapun, kata beliau, di Malaysia para hakim diberikan penghormatan yang begitu tinggi berbanding dengan hakim di negara-negara lain yang dicemuh apabila memberikan keputusan yang tidak memihak kepada se-setengah pihak.

Sebagai contoh kata beliau, di Britain, orang ramai boleh mencaci hakim-hakim yang memberikan penghakiman yang tidak popular melalui tulisan mereka.

“Di sini tentunya kita boleh ditangkap kerana menghina mahkamah ataupun yang berkaitan dengannya,” katanya.

Dr. Mahathir juga berkata, wujud kebimbangan bahawa sekiranya mereka terlalu bebas mungkin melakukan sesuatu yang salah.

“Kita tidak layak untuk menyatakan apa-apa dan apabila mereka merasakan mereka boleh

■ Lihat muka 2

melepaskan diri dengannya,” ujarnya.

Perdana Menteri memberitahu, untuk mengelakkan masalah tersebut, ketiga-tiga badan utama kerajaan seharusnya tahu peranan masing-masing.

Mengenai kebebasan rakyat, Dr. Mahathir berkata, ia bermakna mereka mempunyai kuasa untuk menyingkirkan kerajaan yang memerintah

menerusi proses pemilihan.

“Kebebasan untuk rakyat bermakna kebolehan untuk menyingkirkan sesebuah kerajaan menerusi tindakan mudah tanpa menganjurkan tindakan ganas di jalan raya.

“Kebebasan untuk berbuat demikian merupakan kebebasan yang paling besar berbanding dengan yang lain. Walaupun terdapat kebebasan

PM peringatkan hakim

dalam bentuk-bentuk lain ia tidak seperti menumbangkan sesebuah kerajaan,” katanya.

Tambah beliau, kerajaan yang dipilih tidak semestinya sentiasa betul dalam mentadbir negara.

“Kita juga mungkin menyalahgunakan kuasa, mungkin membuat keputusan salah dalam dasar-dasar. Sekiranya rakyat mendapati kita tidak menjalankan tugas deng-

an baik, rakyat boleh singkirkan kami,” katanya lagi.

Kata beliau, hasil perkembangan tersebut telah berlaku di negara ini khususnya di beberapa negeri.

“Kita telah sampai pada satu peringkat di mana kita tidak boleh berbuat apa-apa, kecuali memupuk satu budaya yang baik untuk negara,” katanya.